

Headline	Ujian pembebasan formaldehid		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	18	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	404 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,954



Ujian pembebasan formaldehid

FRIM tawar perkhidmatan bantu pembeli dan penjual produk kayu komposit

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menawarkan perkhidmatan ujian pembebasan formaldehid kepada pengeluar produk kayu komposit untuk eksport terutama ke Amerika Syarikat (AS).

Perkhidmatan ujian tersebut bagi memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh *California Air Resources Board* (CARB) di bawah Langkah-langkah Kawalan Toksik Bawaan Udara (ATCM).

Makmal Ujian Pembebasan Formaldehid ditubuhkan sejak 2011 dan sebagai persediaan, FRIM menghantar penyelidiknyanya untuk menjalani latihan yang dikendalikan oleh PT Mutuagung Lestari, Indonesia.

Dengan penubuhan makmal berkenaan, FRIM menjadi satu-satunya badan pengujian pihak ketiga dengan pengiktirafan CARB di negara ini yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

Makmal tersebut dilengkapi dengan bilik perapian, bilik utama dan makmal kimia dikendalikan oleh penyelidik terlatih yang berupaya untuk menjalankan ujian ke atas beberapa produk.

Bagi menjalani ujian, dua hingga tiga keping sampel papan gentian berketumpatan sederhana (*medium density*

PENUBUHAN makmal ujian pembebasan formaldehid oleh FRIM wajar dipuji bagi membantu industri kayu-kayan.

fiberboard-MDF), papan partikel atau papan lapis diperlukan oleh makmal dan proses ujian mengambil masa sehingga 14 hari bekerja termasuk penyiapan laporan.

Menurut Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod**, perkhidmatan ujian yang ditawarkan akan memberi manfaat kepada pihak pengeluar dan juga pembeli produk tersebut dengan pihaknya membantu dalam pengesahan kualiti berdasarkan piawaian ASTM (E1333-10).

“Kita juga boleh membantu dalam pengesahan kadar pelepasan formaldehid bagi pihak pengimport dan pengeksport produk-produk tersebut sekiranya timbul pertikaian,” katanya.

CARB adalah lembaga yang menguatkuasakan ATCM untuk mengurangkan pelepasan formaldehid bagi produk komposit kayu dan barangan siap.

Langkah kawalan untuk mengesahkan pelepasan formaldehid daripada produk komposit kayu termasuk papan lapis kayu keras, diambil secara berperingkat mulai 1 Januari 2009. Langkah tersebut merupakan piawaian kandungan

pembebasan formaldehid bagi produk panel berasaskan kayu yang paling ketat di dunia.

Sejak 2008 lagi, FRIM telah mula bekerjasama dengan PT Mutuagung Lestari, sebuah agensi di Indonesia yang diberi kuasa oleh CARB sebagai badan pensijilan pihak ketiga yang rasmi, untuk menubuhkan makmal ujian tersebut.

Ini adalah langkah yang sejajar dengan matlamat FRIM untuk membantu industri tempatan mengatasi halangan-halangan teknikal dan syarat pasaran yang dikenakan oleh negara-negara pengimport.

Pada tahun 2011, FRIM telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan agensi terbabit untuk melanjutkan kerjasama dalam usaha mendapatkan pensijilan dan pengiktirafan antarabangsa, memastikan keharmonian dalam prosedur, melakukan *cross-check* untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ujian, serta menjalankan latihan sumber manusia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan ini, hubungi Hashim W. Samsi atau Dr. Rafeadah Rusli di 03-62797319 / 7287 atau e-mel: hashimws@frim.gov.my atau rafeadah@frim.gov.my.



DR. ABD. LATIF MOHMOD